

## QR Code Antara Elemen Baharu HKK 2019

Penggunaan QR Code dan sistem 'Boost' menjadi elemen terbaharu sambutan Hari Kraf Kebangsaan yang berlangsung dari 28 Februari hingga 11 Mac 2019 depan.

Menurut Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Encik Ibrahim bin Ismail, penggunaan teknologi itu adalah antara usaha untuk memperkasakan penggiat industri kraf tempatan dan menarik golongan muda mendekati produk kraf yang bermutu tinggi.

Selain itu pendekatan ini dilihat berupaya menjadi medium penyampaian maklumat yang berkesan melalui pembangunan kandungan digital yang interaktif dan menarik.

"Kita perkenalkan sistem QR Code ini khusus bagi penggemar songket yang mementingkan kualiti dan keaslian produk tersebut di mana mereka boleh mengimbas kod tersebut pada songket-songket yang dijual sepanjang HKK 2019.

"Melalui imbasan tersebut, pembeli songket akan mendapat semua maklumat mengenai songket termasuk negeri pengeluar, jenis dan pembuatnya.

"Bagi penggunaan aplikasi 'Boost' pula, ia seumpama sistem E-Wallet di mana memudahkan transaksi dilakukan tanpa penggunaan wang tunai dan ini boleh menjamin keselamatan pembeli dan penjual ketika berdepan dengan kunjungan orang ramai.

Dalam pada itu, Encik Ibrahim bin Ismail berkata, antara kelainan lain HKK 2019 adalah Taman Kraf Digital yang bakal memberi pendedahan kepada pengunjung merasai pengalaman digital menerusi aktiviti seperti *Virtual Assistant*, *Augmented Reality (AR)*, *Digital Craft Book*, *Virtual Shop*, dan *Interactive Wall*.

Penambahan elemen teknologi itu telah menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke Hari Kraf Kebangsaan 2019.

HKK2019 melibatkan 500 usahawan kraf tempatan seluruh negara yang menyediakan pelbagai produk kraf berkualiti tinggi. Jumlah ini adalah termasuk sambutan yang diadakan di empat buah hotel sekitar Lembah Klang dan tujuh pusat beli belah terpilih mengikut zon negeri yang diadakan sehingga 31 Mac 2019.

Hari Kraf Kebangsaan pada tahun ini berlangsung dengan membawakan tema 'Memperkasa Komuniti Kraf'. 'Membudayakan Rakyat Dengan Seni Kraf' pula telah dipilih sebagai konsep dalam HKK 2019. Konsep ini dipilih bagi menggalakkan penggunaan produk kraf tempatan dalam kehidupan seharian dan gaya hidup masa kini. Fungsi dan kegunaan produk kraf dalam pelbagai aspek meliputi hiasan dalaman dan taman, perhiasan diri, kelengkapan rumah sehinggalah menjadi pelengkap kepada majlis keraian dan perayaan dalam masyarakat dan komuniti di negara ini.